



JABATAN CETAK KERAJAAN

Km. 4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2004
88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Ruj. Kami: JCK : 400-0/34 (34)
Tarikh: 23 Ogos 2026

Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri,
Semua Presiden Majlis Perbandaran,
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,
Semua Pegawai Daerah,
Semua Penolong Pegawai Daerah-daerah kecil,

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

TARIKH AKHIR PENERIMAAN TEMPAHAN/E-PESANAN UNTUK BAHAN-BAHAN YANG DICETAK DAN PEMBEKALAN ALAT TULIS BAGI PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2026

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah menetapkan tarikh-tarikh penting bagi mematuhi kehendak Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 3/2026 yang bertarikh 14 April 2026 mengenai Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Sabah 2026. Berikut adalah tarikh akhir bagi urusan pembekalan alat tulis dan tempahan pencetakan:

2.1 : Pembekalan Alat Tulis

Tarikh akhir penerimaan tempahan/E-pesanan adalah pada atau sebelum 20 November 2026.

Tindakan ini perlu dilaksanakan bagi membolehkan jabatan ini membuat Pemeriksaan Stok dan juga memproses Baucar Jurnal sebelum Penutupan akaun bulan November dan Disember 2026.

2.2 : Tempahan Pencetakan

Tarikh akhir penerimaan tempahan adalah pada atau sebelum 20 November 2026.

Sebarang tempahan pencetakan yang diterima selepas tarikh tersebut akan diproses menggunakan peruntukan Tahun Kewangan 2027.

3. Sila ambil perhatian bahawa tarikh akhir bagi penerimaan bekalan dan penjaan bil-bil adalah seperti yang berikut:

	<u>Bulan Perbelanjaan</u>	<u>Tarikh Akhir Penerimaan Bekalan/Penjaan Bil</u>
3.1 :	Bulan November 2026	27 November 2026
3.2 :	Bulan Disember 2026	04 Disember 2026

“SABAH MAJU JAYA”

...2/-

Ruj. Kami: JCK:400-0/34 Jld. 1 (34)

4. Pihak Jabatan Cetak Kerajaan memohon perhatian sewajarnya daripada pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk menjelaskan dengan **SEGERA** semua hutang atau tunggakan (jika ada) bagi tahun 2026 dan tahun-tahun sebelumnya. Langkah ini penting bagi mengelakkan sebarang teguran daripada pihak Jabatan Audit Negara.

5. Sebagai makluman tambahan, semua pesanan pencetakan dan alat tulis bagi tahun 2027 hanya boleh dipesan dan diproses setelah waran peruntukan tahun 2027 disalurkan ke Jabatan Cetak Kerajaan pada tahun tersebut.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam mematuhi perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian dan terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(LIEW CHERN WEI)

Pencetak Kerajaan Negeri
Jabatan Cetak Kerajaan

s.k.: Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Blok C, Menara Kinabalu Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU.

Pengarah,
Jabatan Teknologi Digital dan Inovasi,
Tingkat 6 & 7,
Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU.

(u.p.: Puan Azawana binti Awang Salleh - Untuk tindakan dalam sistem JCK 2.0)